

UPM kaji khasiat beri Iran

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) mengetengahkan produk beri dari Iran iaitu 'barberry' yang mempunyai banyak khasiat untuk kesihatan tubuh manusia di Malaysia Technolgy Expo 2013 (MTE 2013).

Penyelidik UPM, Prof Dr Fauziah Othman, berkata produk dinamakan Ogy-Berry itu terbukti mempunyai khasiat untuk dijadikan makanan sampingan berikutan kebanyakan produk makanan sampingan di pasaran sekarang.

"Hasil geran diberikan

Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) sebanyak RM2 juta, kami mencipta produk jangka pendek daripada beri ini yang kebanyakannya makanan seperti coklat, kek cawan, beri kering dan jus minuman.

"Menerusi spin-off company UPM, Healviver Neutraceuticals, MTDC memberi hak menjadi pembekal beri ini di Malaysia serta penghasilan produk daripadanya," katanya ketika ditemui MTE 2013, di sini, baru-baru ini.

Kajian diteruskan

Kajian UPM yang dijalankan

selama 10 tahun menunjukkan beri itu mempunyai banyak kebaikan untuk tubuh antaranya vitamin C dan antioksidan yang tinggi, meningkatkan daya tahan badan serta mampu memecahkan kolesterol

Di Amerika Syarikat (AS) ekstrak beri itu banyak digunakan dalam bidang farmaseutikal dan kajian UPM juga bakal menjurus dalam bidang sama.

Prof Fauziah berkata, beri itu diperkenalkan oleh rakan penyelidik dari Iran, Dr Gulam Reza ketika beliau belajar peringkat sarjana di UPM dulu dan paten produk beri itu dikongsi bersama.

Katanya, buat masa ini beliau hanya menumpukan produk makanan dan mahu mendedahkan kepada masyarakat mengenai kebaikan beri berkenaan.

"Di Malaysia, kebanyakan jus buah-buahan manis kerana



Prof Fauziah dalam Pameran Malaysia Technology Expo 2013.

masyarakat di sini suka kepada gula dan jus yang manis, justeru pendedahan mengenai penggunaan gula berlebihan perlu diuar-uarkan.

"Contohnya, minuman ber-

karbonat, sangat manis, namun hanya sedap di tekak dan tidak bagus untuk kesihatan. Menyedari hakikat itu kami hasilkan jus yang mengekalkan rasa masam beri ini.

“
DI MALAYSIA, KEBANYAKAN JUS BUAH-BUAHAN MANIS KERANA MASYARAKAT DI SINI SUKA KEPADA GULA DAN JUS YANG MANIS”

Prof Fauziah Othman,
Penyelidik UPM

"Kami akan terus menyelidik potensi beri ini dan kini pelajar saya sedang mengkaji untuk menggunakannya bagi mengubati leukemia," katanya.